

P-*r*-aya: UMNO kemuka perkara sumbang

KUALA LUMPUR, Ahad — UMNO akan mengemukakan satu laporan bertulis kepada Suruhanjaya Pilihanraya tentang beberapa perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam pilihanraya umum bulan lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ibu pejabat UMNO akan menyenaraikan perkara-perkara itu dalam laporannya setelah penyiasatan teliti dibuat.

Kami berharap dengan syor yang terkandung dalam laporan itu nanti beberapa kesilapan yang berlaku dalam pilihanraya baru-baru ini tidak berulang, katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan sidang Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Dalam sidang itu, anggota-anggota Majlis Tertinggi telah mendengar laporan ringkas dari Pengarah-pengarah Pilihanraya Negeri mengenai perjalanan pilihanraya di negeri masing-masing.

Perdana Menteri yang juga presiden parti berkata, antara perkara yang tidak sepatutnya berlaku ialah tentang beberapa orang anggota Tentera Wataniah yang tidak dapat mengundi dalam pilihanraya umum.

Katanya, anggota Tentera Wataniah bukan sahaja tidak dapat mengundi secara pos tetapi mereka juga tidak dapat mengundi bersama pengundi-pengundi lain kerana kad pengenalan mereka telah digantikan dengan kad pengenalan tentera.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, satu lagi kes ialah nama pengundi yang tidak terdapat dalam daftar senarai pengundi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya

sungguhpun namanya terdapat dalam senarai daftar pengundi yang dihantar kepada parti.

Beliau berkata, pihaknya sedang membuat analisa tentang sebab-sebab undi merosot di beberapa tempat dan juga bertambahnya majoriti undi di lain tempat untuk dijadikan panduan dalam pilihanraya umum akan datang.

Mengenai anggota-anggota UMNO yang menolong calon-calon parti pembangkang dalam pilihanraya umum baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan lagi bahawa mereka yang didapati salah akan dipecat dari parti.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pemecatan yang telah dibuat oleh Perhubungan-perhubungan UMNO Negeri semasa pilihanraya dulu akan di sahkan oleh Majlis Tertinggi.

Katanya, Majlis Tertinggi akan mengesahkan pemecatan anggota-anggota yang didapati menentang Barisan Nasional setelah jawatankuasa disiplin bersidang dan memutuskan tindakan ke atas mereka.

Tarikh akhir menghantar laporan mengenai anggota tersebut ialah Sabtu lalu tetapi ibu pejabat UMNO sehingga ini hanya menerima laporan dari tiga bahagian sahaja. — Bernama.